BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 03/07/05

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 21 Mac 2007

SIARAN AKHBAR

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2006

Ekonomi Malaysia lebih kukuh dan lebih berdaya tahan pada tahun 2006. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar meningkat 5.9%, lebih tinggi daripada pertumbuhan 5.2% setahun lalu. Aktiviti dalam negeri, terutamanya dalam sektor swasta, terus mendorong pengembangan ekonomi dalam keadaan permintaan eksport terhadap keluaran elektronik dan komoditi utama yang tinggi.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (perubahan, %)

	2005	2006*a*	2007*r*
Keluaran Dalam Negeri Kasar	5.2	5.9	6.0
Perbelanjaan sektor swasta[1]	9.1	7.6	7.2
Penggunaan	9.2	7.0	6.4
Pelaburan	8.5	9.7	10.4
Perbelanjaan sektor awam[1]	3.6	7.2	7.7
Penggunaan	5.4	7.9	4.1
Pelaburan	1.9	6.5	11.4
Eksport barangan dan perkhidmatan bersih	16.7	-5.0	-9.6
Eksport	8.6	6.3	6.3
Import	8.0	7.2	7.4

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Pada tahun 2006, permintaan dalam negeri agregat meningkat lebih kukuh sebanyak 7.4%. Sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan manakala sektor awam menyediakan persekitaran yang menggalakkan aktiviti ekonomi. Pelaburan swasta bertambah kukuh pada tahun itu, didorong perbelanjaan modal yang ketara dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Tempoh pengembangan ekonomi yang mampan secara berterusan, kadar penggunaan kapasiti yang tinggi, sentimen perniagaan yang berdaya tahan, kedudukan kewangan korporat yang lebih baik dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan merupakan antara faktor yang menyumbang kepada aktiviti pelaburan yang teguh. Sementara itu, perbelanjaan penggunaan swasta kekal berdaya tahan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang mantap berikutan harga komoditi yang menggalakkan, perolehan eksport yang kukuh dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Pelaburan awam meningkat dengan nyata pada tahun 2006, mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur yang mencukupi dan lebih baik serta perkhidmatan penting yang bertambah baik, terutamanya di kawasan yang kurang maju. Perkembangan penting pada tahun 2006 ialah pelancaran Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) pada bulan Mac. Sepanjang tempoh RMKe-9, Kerajaan Persekutuan mensasarkan kenaikan sebanyak 17.6% dalam perbelanjaan projek pembangunan dan infrastruktur. Penggunaan awam juga meningkat ekoran perbelanjaan atas bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi untuk menyenggara dan memperbaiki sistem penyampaian awam.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (perubahan, %)

	2005	2006*a*	2007*r*
KDNK Benar	5.2	5.9	6.0
(RM bilion)	262.2	277.7	294.4
Pertanian	2.5	6.4	3.2
Perlombongan & Kuari	0.8	-0.2	2.8
Perkilangan	5.1	7.0	6.6
Pembinaan	-1.6	-0.5	3.0
Perkhidmatan	6.5	6.5	6.3

a Awalan
r Ramalan

Mengikut sektor, sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian merupakan penyumbang utama pertumbuhan. Sektor perlombongan masih lembap disebabkan kerja penyenggaraan dan menaikkan taraf manakala aktiviti sektor pembinaan pula bertambah baik untuk mencatat kadar penurunan yang lebih sederhana. Sektor perkhidmatan, yang telah menjadi penyumbang utama pertumbuhan, berkembang 6.5%. Ini merupakan tahun kedua berturut-turut pertumbuhan sektor perkhidmatan lebih pantas daripada ekonomi keseluruhannya. Pertumbuhan sektor ini disokong aktiviti berkaitan dengan perdagangan, kewangan, dan pelancongan yang lebih tinggi selain sumbangan daripada bidang pertumbuhan baru. Yang penting, dua subsektor utama, iaitu kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; dan pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi mencatat pengembangan pesat sejak tahun 2000, berikutan transformasi utama dalam sektor perkhidmatan kewangan selain wujudnya aktiviti baru seperti kewangan Islam, telekomunikasi, perkhidmatan teknologi maklumat, dan perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga. Kini, kedua-dua subsektor itu menyumbang hampir satu perempat daripada KDNK keseluruhan.

Sektor perkilangan bertambah kukuh dan meningkat 7%, disokong kitaran elektronik global yang meningkat sejak separuh kedua tahun 2005. Pemulihan separa konduktor global adalah menyeluruh, disokong oleh permintaan terhadap semua segmen produk termasuk komputer, keluaran elektronik pengguna, telekomunikasi dan automotif. Tambahan pula, permintaan luar negeri yang kukuh terhadap keluaran industri berasaskan sumber dan peningkatan ketara dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri menyokong prestasi sektor perkilangan. Peningkatan industri berorientasikan pasaran dalam negeri diterajui terutamanya oleh pemulihan dalam industri berkaitan dengan pembinaan, dan industri keluaran logam direka sejajar dengan sektor pembinaan yang bertambah baik dan permintaan serantau yang kukuh.



Prestasi sektor pertanian kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 6.4%, iaitu kadar pertumbuhan tertinggi dicapai sejak tahun 1992. Pertumbuhan sektor ini adalah menyeluruh dengan pertumbuhan lebih tinggi bagi tanaman perindustrian (termasuk minyak sawit, getah dan koko) dan tanaman makanan. Pertumbuhan teguh itu mencerminkan kadar hasil yang lebih tinggi dalam keadaan harga komoditi yang kukuh, keadaan cuaca yang baik dan penggunaan amalan pertanian baik yang lebih meluas pada tahun itu. Sementara itu, sektor perlombongan dan pembinaan merosot sedikit, masing-masing sebanyak 0.2% dan 0.5%. Aktiviti yang lebih perlahan dalam sektor perlombongan berpunca daripada penurunan pengeluaran minyak mentah dan gas asli berikutan penutupan beberapa medan minyak untuk penyenggaraan dan kerja penambahbaikan loji MLNG 2 secara berperingkat-peringkat untuk menambah kapasiti. Prestasi sektor pembinaan bertambah baik secara stabil, walaupun masih lagi mencatat kemerosotan. Sektor ini didorong oleh pemulihan secara beransur-ansur segmen kejuruteraan awam, ekoran perbelanjaan awam yang lebih tinggi berikutan bermulanya beberapa projek RMKe-9 serta aktiviti pembinaan dalam industri minyak dan gas yang meningkat. Aktiviti dalam segmen bukan kediaman yang lebih giat juga menyumbang kepada sektor pembinaan yang bertambah baik secara keseluruhannya.

Meskipun harga minyak meningkat, inflasi secara relatif sederhana. Jangkaan inflasi secara umumnya dapat dibendung sepanjang tahun walaupun kadar inflasi melonjak pada bulan Mac 2006. Ini mencerminkan kebolehpercayaan dasar monetari hasil daripada sejarah inflasi yang secara relatif rendah dalam tempoh yang panjang di Malaysia. Tambahan pula, jaminan Kerajaan yang kenaikan harga runcit petrol pada bulan Mac akan hanya berlaku sekali bagi tahun 2006, telah dapat membantu mengurangkan kesan tekanan harga terhadap harga keseluruhan. Bagi tahun 2006, kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, meningkat kepada 3.6% (2005: 3%). Paras ini menepati ramalan Bank Negara Malaysia, iaitu 3.5 – 4.0%. Peningkatan kos pengangkutan merupakan penyumbang utama kepada kenaikan inflasi pada tahun 2006, manakala kategori utama lain juga mencatat kenaikan harga. Penambahan nilai kadar pertukaran ringgit pada tahun itu juga mengurangkan tekanan inflasi melalui pengurangan kos barangan yang diimport.

Inflasi dan Pengangguran

	2005	2006
Inflasi Keseluruhan (% perubahan)		
IHP (2005=100)	3.0	3.6
IHP Teras[1]	2.0	2.1
Pengangguran (% daripada tenaga pekerja)	3.5	3.5

[1] Tidak termasuk barangan harga tertadbir, barangan harga mudah ubah serta barangan yang tertakluk kepada pelarasan harga satu kali

Kedudukan luar negeri Malaysia terus kukuh pada tahun 2006. Lebihan akaun semasa bertambah kepada RM91.2 bilion atau bersamaan dengan 17.3% daripada keluaran negara kasar (KNK). Pertambahan tersebut ialah hasil daripada lebihan akaun perdagangan yang kukuh dan akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan yang bertambah baik. Eksport kasar meningkat 10.3% mencerminkan pertumbuhan eksport komoditi utama yang terus kukuh dan pengembangan eksport perkilangan yang mampan. Pengembangan eksport komoditi utama didorong oleh harga yang lebih tinggi manakala prestasi kukuh eksport barangan

perkilangan pula didorong eksport beberapa industri berasaskan sumber seperti keluaran kayu, petroleum dan getah yang lebih tinggi dan pertumbuhan berterusan dalam eksport keluaran elektrik dan elektronik (E&E). Import kasar pula meningkat 10.8% mencerminkan pengeluaran dan eksport barangan perkilangan yang lebih tinggi serta perbelanjaan pengguna dan pelaburan dalam negeri yang kukuh. Defisit akaun perkhidmatan bertambah baik ekoran perolehan sektor pelancongan yang lebih tinggi dan juga oleh peningkatan dalam komisen yang diperoleh melalui aktiviti perdagangan antarabangsa. Keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat Malaysia yang lebih tinggi hasil daripada pelaburan mereka di luar negeri juga menyumbang pada akaun pendapatan yang bertambah baik.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM39.9 bilion memandangkan pelaburan luar negeri yang lebih besar dan aliran keluar bersih pelaburan lain yang lebih tinggi, telah lebih daripada mengimbangi aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) dan pelaburan portfolio. FDI kasar meningkat dengan ketara kepada RM37.2 bilion (7.1% daripada KNK), disokong oleh keyakinan pelabur yang mampan serta komitmen berterusan pelabur asing yang beroperasi di Malaysia. Pada tahun 2006, pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM14.7 bilion, kebanyakannya untuk pembelian sekuriti hutang dan pelaburan dalam pasaran ekuiti. Daya saing yang bertambah baik dan strategi untuk mempelbagaikan operasi yang dilaksanakan oleh syarikat Malaysia menyumbang kepada peningkatan pelaburan langsung luar negeri bersih. Sementara itu, aliran keluar bersih pelaburan lain menunjukkan aliran keluar sektor awam dan swasta yang lebih besar.

Memandangkan lebihan akaun semasa adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai aliran keluar dalam akaun kewangan, rizab antarabangsa bersih bertambah RM25.3 bilion kepada RM290.4 bilion (USD82.5 bilion) pada 31 Disember 2006. Kenaikan rizab ini ialah hasil aliran dua hala yang ketara, mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih memberangsangkan dan asas ekonomi

Malaysia yang kukuh. Pada 15 Mac 2007, jumlah rizab meningkat lagi kepada RM307.2 bilion (USD87.3 bilion), memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 9.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Kedudukan hutang luar negeri Malaysia bertambah baik kepada RM179.4 bilion (USD50.3 bilion) pada akhir tahun 2006, mencerminkan pengurangan dalam hutang jangka pendek, dan hutang jangka sederhana dan panjang. Jumlah hutang luar negeri kini hanya mencakupi 34.1% daripada KNK, jauh lebih rendah daripada sebanyak 41.9% pada tahun 2005. Hutang jangka pendek yang berkurang disebabkan pelunasan peminjaman antara bank oleh sektor perbankan. Pengurangan dalam hutang jangka sederhana dan panjang mencerminkan pembayaran balik pinjaman bersih oleh sektor awam, yang merupakan pembayaran balik bersih untuk tahun keempat berturut-turut. Kemampuan Malaysia untuk memenuhi kewajipan membayar hutang dan daya tahannya bertambah baik dengan ketara. Hutang jangka pendek hanya mencakupi 23% daripada jumlah hutang luar negeri atau 7.8% daripada KNK. Nisbah khidmat bayaran hutang pula menurun kepada 4.7%.

Keadaan Monetari dan Kewangan pada Tahun 2006

Tahun 2006 merupakan tahun yang mencabar terutamanya dari segi monetari dan kewangan. Perkembangan dalam pasaran kewangan global pada tahun itu didorong prospek pertumbuhan global yang menggalakkan dan risiko inflasi yang meningkat dalam suasana mudah tunai lebihan. Mudah tunai global yang tinggi menggalakkan pelabur untuk meninjau peluang untuk mendapatkan kadar pulangan yang lebih tinggi merentas kelas aset dan profil risiko yang berlainan, menyebabkan aliran masuk modal yang besar ke pasaran sedang pesat membangun sepanjang tahun itu. Berikutan integrasi Malaysia yang lebih tinggi dengan ekonomi dan sistem kewangan global, perkembangan dalam pasaran kewangan global ini mempunyai impak penting atas keadaan monetari dan kewangan dalam negeri.

Dasar monetari pada tahun 2006 tertumpu pada memperoleh keseimbangan yang wajar antara mengekalkan kestabilan harga dan mencapai paras pertumbuhan ekonomi yang maksimum dan mampan. Seperti di kebanyakan negara, inflasi muncul sebagai cabaran dasar dalam keadaan harga tenaga dan komoditi yang meningkat dalam pasaran global, terutamanya pada separuh tahun pertama. Berikutan semakan terhadap harga bahan api pada bulan Mac 2006, kadar inflasi meningkat kepada 4.8%. Dari perspektif dasar monetari, pertimbangan utama ialah sama ada kejutan harga yang didorong oleh penawaran akan mencetuskan kenaikan harga pusingan kedua. Dasar monetari perlu berada dalam kedudukan yang baik untuk menangani tekanan sekunder sebegini sekiranya ia tercetus.

Memandangkan asas makroekonomi berterusan kukuh, Bank Negara Malaysia mengambil peluang untuk menjajarkan keadaan monetari kepada persekitaran inflasi yang lebih tinggi. Kadar Dasar Semalaman (overnight policy rate, OPR) telah dinaikkan dua kali pada bulan Februari dan April, masing-masing sebanyak 25 mata asas. Penjajaran kadar faedah mengikut keadaan semasa

meletakkan Bank pada kedudukan yang lebih baik untuk bertindak balas terhadap sebarang risiko kenaikan inflasi. Sama pentingnya ialah pelarasan ini memberikan impak minimum terhadap pertumbuhan sambil mengurangkan risiko berlakunya tempoh kadar faedah deposit benar negatif yang berlanjutan. Mulai bulan Mei, OPR tidak diubah berikutan tiada kesan pusingan kedua dan tekanan inflasi yang berpunca daripada permintaan. Sementara itu, terdapat juga tanda-tanda penyederhanaan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi global. OPR, pada paras 3.50%, terus menyokong aktiviti ekonomi.

Kenaikan OPR telah disalurkan dengan cekap kepada kadar faedah pasaran dan runcit. Kadar purata antara bank semalaman didagangkan hampir pada OPR sepanjang tahun dan bergerak dalam julat 2.98% - 3.56% pada tahun 2006, ekoran OPR dinaikkan daripada 3.00% kepada 3.50%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat selaras dengan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah akan meningkat. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan meningkat dan kemudiannya stabil pada 6.72% pada pertengahan bulan Mei sehingga akhir tahun. Begitu juga, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) juga meningkat, mencerminkan penetapan semula kadar faedah bagi pinjaman sedia ada yang ditambat kepada BLR, pemberian pinjaman baru pada kadar faedah lebih tinggi serta kematangan pinjaman lama yang berkadar faedah lebih rendah. ALR berada pada 6.57% pada akhir tahun 2006. Sungguhpun kadar pinjaman meningkat, ia kekal hampir pada kadar paling rendah yang lampau dan terus menyokong aktiviti ekonomi. Kadar deposit tetap (fixed deposits, FD) bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan meningkat 2 hingga 46 mata asas sejak bulan November 2005. Kadar FD benar yang menjadi negatif sejak bulan Mei 2005 apabila inflasi mulai melebihi paras 3%, bertukar menjadi positif bagi semua tempoh matang pada bulan Oktober 2006 sejajar dengan trend inflasi yang menurun.

Kadar Antara Bank



Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (pada akhir tempoh)



Pada tahun 2006, ringgit menunjukkan pergerakan dua hala yang lebih ketara didorong secara umumnya oleh permintaan dan penawaran ringgit dalam pasaran pertukaran mata wang asing. Faktor utama yang mempengaruhi ringgit sepanjang tahun 2006 ialah lebihan perdagangan, aliran masuk pelaburan ke dalam negara hasil daripada prospek pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan jangkaan pasaran berhubung dengan penambahan nilai kadar pertukaran ringgit. Faktor-faktor ini telah diimbangi oleh permintaan kukuh terhadap mata wang asing untuk pelaburan langsung dan portfolio di luar negeri, pembayaran balik dan prapembayaran hutang luar negeri serta penghantaran balik keuntungan dan dividen. Aliran masuk dan keluar yang saling mengimbangi sedemikian membolehkan kestabilan kadar pertukaran ringgit pada sebahagian besar tahun 2006. Sehingga kini, pengukuhan kadar pertukaran ringgit secara beransur-ansur pada umumnya sejajar dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia dan mencerminkan asas makroekonomi Malaysia yang teguh.



Berikutan prestasi yang secara relatif lemah pada tahun 2005, KLCI mengakhiri tahun 2006 lebih tinggi untuk ditutup pada 1,096.24 mata atau kenaikan sebanyak 21.8% berbanding dengan tahun lalu. Antara faktor yang menyumbang kepada prestasi pasaran ekuiti yang lebih baik ialah aliran masuk asing yang baru, perolehan korporat yang kukuh, penggabungan dan pengambilalihan korporat dan sentimen yang dirangsang jangkaan berikutan pengumuman projek infrastruktur RMKe-9.

Pada tahun 2006, jumlah pembiayaan bersih yang disalurkan ke dalam ekonomi, yakni pembiayaan awam dan swasta, meningkat 5.9%. Berlandaskan keadaan monetari dan kewangan dalam negeri yang sangat menyokong aktiviti ekonomi, sektor swasta boleh memilih saluran dan struktur paling sesuai dengan keperluan pembiayaannya. Pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) merupakan sumber utama pembiayaan jangka panjang dalam negeri. Sungguhpun disokong pelbagai sumber pembiayaan, sektor perniagaan terus bergantung pada dana yang dijana secara dalaman untuk modal kerja dan pelaburan pada tahun itu.

Dari segi instrumen dasar monetari, peminjaman langsung kekal sebagai kaedah utama untuk mensterilisasikan mudah tunai lebihan kerana ciri kefleksibelannya. Selain itu, terdapat peningkatan dalam penggunaan perjanjian belian balik (repo) untuk mewujudkan lebih mudah tunai dan keluk kadar hasil tanda aras yang lebih mencerminkan nilai untuk sekuriti Kerajaan. Ini dapat dilaksanakan dengan adanya sekuriti cagaran, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), yang diperoleh daripada pelabur institusi utama melalui berian pinjaman sekuriti menerusi Program Penjaga Sekuriti Institusi (Institutional Securities Custodian Programme, ISCAP) Bank Negara Malaysia. Perkembangan penting dalam operasi pasaran wang Islam pada tahun 2006 ialah terbitan sulung Sukuk Ijarah Bank Negara Malaysia pada 16 Februari 2006, dengan saiz terbitan sebanyak RM400 juta. Satu wahana khas, iaitu Bank Negara Malaysia Sukuk Berhad ditubuhkan untuk menerbitkan Sukuk Ijarah. Suatu lagi perkembangan ketara ialah pengenalan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) untuk menguruskan mudah tunai dalam pasaran kewangan konvensional dan pasaran Islam. Pada masa depan, BNMN akan memainkan peranan yang lebih besar sebagai instrumen dasar monetari kerana kefleksibelan BNMN dan kedalaman pasaran sekunder serta paras ambang terbitan yang lebih besar.

Tinjauan dan Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2007

Pada tahun 2007, kadar pertumbuhan global diunjurkan pada 4.5% (2006: 5.0%) berikutan pengurangan tekanan inflasi yang berterusan dan sedikit penyederhanaan dalam pertumbuhan perdagangan dunia. Tahun ini bakal merupakan tahun kelima berturut-turut pertumbuhan global melebihi 4%. Pembetulan dalam pasaran perumahan di Amerika Syarikat (AS) dijangka secara beransur-ansur menjana kesan lebih meluas terhadap penggunaan. Dengan itu, pertumbuhan KDNK bagi AS dijangka lebih sederhana pada 2.7% pada tahun 2007, daripada 3.3% pada tahun 2006. Pemulihan di Jepun dijangka berterusan walaupun pada kadar yang lebih beransur-ansur. Prospek kawasan euro pula

lebih optimistik berikutan tanda-tanda pemulihan yang lebih menyeluruh di negara anggota utama. Sungguhpun permintaan luar negeri dijangka sederhana sedikit, namun pertumbuhan di rantau Asia dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh permintaan dalam negeri yang kian kukuh, terutamanya di China dan India.

Berikutan pertumbuhan global yang berterusan dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, ekonomi Malaysia dijangka meningkat pada kadar 6%. Kadar pertumbuhan ini selaras dengan kadar pertumbuhan keluaran potensi dan sejajar dengan pengembangan kapasiti produktif ekoran pembentukan modal yang semakin meningkat. Namun, corak pertumbuhan sepanjang tahun 2007 akan dipengaruhi oleh faktor dalam dan luar negeri. Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar lebih sederhana pada separuh tahun pertama ekoran jangkaan pertumbuhan lebih perlahan di AS. Memandangkan industri elektronik global dijangka bertambah baik pada separuh tahun kedua disebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap produk baru, ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih pesat pada tempoh tersebut. Pertumbuhan juga akan disokong perkembangan dalam negeri pada separuh tahun kedua. Antara perkembangan tersebut ialah pelaksanaan projek RMKe-9 dengan lebih cepat, permulaan pengeluaran di medan minyak Kikeh dan ketibaan pelancong yang meningkat semasa kemuncak pelancongan musim panas ekoran promosi intensif Tahun Melawat Malaysia 2007.

Permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus memacu pertumbuhan ekonomi negara. Sungguhpun sektor swasta, terutamanya pelaburan swasta, terus merangsang pertumbuhan, sektor awam dijangka memainkan peranan lebih penting pada tahun 2007. Projek-projek yang dikenal pasti di bawah RMKe-9 akan dilaksanakan dengan lebih intensif pada tahun itu. Permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh serta paras penggunaan kapasiti yang tinggi juga menggalakkan firma untuk mengembangkan kapasiti. Pelaburan di peringkat firma juga dijangka mendapat manfaat daripada pengurangan dalam kadar cukai korporat seperti diumumkan dalam Bajet 2007. Sementara itu,

mudah tunai dalam sistem kewangan yang besar pula akan memastikan pembiayaan adalah mencukupi.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dijangka lebih menyeluruh dengan semua sektor diunjurkan meningkat. Sektor perlombongan dan pembinaan yang menguncup pada tahun 2006, dijangka mencatat pertumbuhan. Sektor pembinaan terutamanya, akan mendapat manfaat daripada perbelanjaan awam yang lebih tinggi atas projek RMKe-9 dan permintaan kukuh dalam segmen harta tanah bukan kediaman. Dalam sektor perlombongan, pertumbuhan dijangka lebih tinggi hasil daripada pengeluaran minyak mentah dan gas asli berikutan bermulanya operasi medan minyak Kikeh yang baru menjelang akhir tahun dan peningkatan kapasiti loji MLNG 2 selepas kerja-kerja penambahbaikan. Sektor perkilangan dijangka mencatat pengembangan yang mampan, disokong industri berasaskan sumber dan industri berkaitan dengan sekor pembinaan. Industri E&E pula dijangka menjadi lebih sederhana pada separuh tahun pertama sebelum pulih pada separuh tahun kedua. Sementara itu, sektor perkhidmatan akan didorong oleh perkhidmatan pengantara, terutamanya subsektor kewangan, insurans, harta tanah, dan perkhidmatan perniagaan, dengan sumbangan lebih tinggi oleh perkhidmatan kewangan Islam dan bank pelaburan yang baru ditubuhkan. Sektor ini juga akan turut didorong oleh ketibaan pelancong yang lebih banyak sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.

Kadar inflasi keseluruhan yang meningkat pada tahun 2006 kerana harga tenaga yang lebih tinggi, dijangka menjadi sederhana pada purata antara 2 – 2.5% bagi tahun 2007 keseluruhannya. Faktor penting yang menyumbang kepada kadar inflasi yang lebih rendah ialah luputnya kesan kenaikan harga keluaran petroleum runcit, penyederhanaan harga tenaga dan jangkaan inflasi yang dapat dibendung dalam kalangan orang ramai. Tambahan pula, tekanan harga yang berpunca daripada keadaan permintaan dijangka terkawal berikutan pengembangan kapasiti produktif yang sedang dilaksanakan, dan disokong oleh tekanan persaingan yang meningkat ekoran integrasi ekonomi negara dengan ekonomi global. Oleh itu,

sekiranya tiada sebarang pelarasan baru atas harga yang ditadbir, keadaan inflasi secara relatif tidak membimbangkan pada tahun 2007.

Dalam sektor luar negeri, akaun semasa dijangka terus mencatat lebihan, didorong lebihan perdagangan dan perolehan perkhidmatan yang lebih baik berpunca daripada sektor pelancongan, manakala aliran masuk FDI dijangka kekal besar. Eksport kasar dijangka berkembang 8.2%. Pertumbuhan eksport barangan perkilangan berasaskan sumber yang kukuh akan mengurangkan sebahagian daripada kelembapan pertumbuhan eksport E&E. Eksport pertanian dijangka lebih kukuh, didorong harga minyak sawit yang lebih tinggi. Akaun kewangan dijangka disokong aliran masuk dana asing yang berterusan bagi pelaburan jangka panjang. Lebih banyak aktiviti penggabungan dan pengambilalihan serta pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-9 dijangka menarik aliran masuk FDI. Pada masa yang sama, pelabur Malaysia dijangka mempercepat pempelbagaian portfolio mereka dengan melabur di luar negeri.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2007

Bajet 2007 menjurus pada peningkatan asas makroekonomi dan penggalakan struktur ekonomi yang lebih seimbang. Bagi mewujudkan pertumbuhan jangka lebih panjang yang mampan, penekanan diberikan pada bidang baru aktiviti ekonomi dalam negeri. Sehubungan dengan ini, dasar awam pada tahun 2007 tertumpu pada membantu sektor swasta memainkan peranan peneraju dalam transformasi ekonomi negara, dan menjana bidang pertumbuhan baru dalam sektor intensif teknologi dan pengetahuan. Selain insentif yang sedia ada, Kerajaan Persekutuan akan menambah perbelanjaan pada tahun 2007 untuk menyokong inisiatif menjana pertumbuhan ekonomi yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi, membangunkan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan serta program-program untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi dan serantau. Secara keseluruhan, defisit bajet dijangka menurun kepada 3.4%

daripada KDNK pada tahun 2007, dengan Kerajaan meneruskan konsolidasi kedudukan fiskalnya.

Pengendalian dasar monetari pada tahun 2007 akan terus menyeimbangkan antara keperluan memastikan kadar faedah terus berada pada paras yang membolehkan Bank Negara Malaysia bertindak balas terhadap sebarang risiko kenaikan inflasi, sambil kekal kondusif bagi pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan. Pada paras kadar faedah kini, dasar monetari kekal akomodatif. Bank Negara Malaysia akan terus menilai perkembangan ekonomi dalam dan luar negeri dan akan menyelaras teras dasar monetari apabila keadaan memerlukan.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2006

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia bagi tahun 2006 telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Jumlah aset Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM323 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM295.4 bilion). Peningkatan ketara dalam aset disebabkan oleh peningkatan dalam rizab antarabangsa. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM290.4 bilion (USD82.5 bilion) pada akhir tahun 2006. Bank Negara Malaysia mencatat keuntungan bersih sebanyak RM3.5 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 dan mengisytiharkan dividen sebanyak RM1.2 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2006.

Bank Negara Malaysia
21 Mac 2007